

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, January 1, 2020 10:41 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Compass Marching Bentuk Disiplin, Tingkat Kecekapan Pegawai



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 JANUARI 2020 / 5 JAMADILAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

COMPASS MARCHING BENTUK DISIPLIN, TINGKAT KECEKAPAN PEGAWAI



UUM ONLINE: Compass Marching yang sarat dengan pengisian dan latihan bermanfaat dilihat mampu melahirkan barisan pentadbir dan pegawai yang berupaya membawa kecemerlangan kepada Universiti.

Pegawai Tadbir, Akmal Ahlami Md Rozai berkata, meredah hutan tebal tanpa alat perlindungan diri antara cabaran getir yang ditempuhi dalam pasukan.

"Hanya berbekalkan ilmu yang diberikan oleh Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) bersama sehelai peta topografi daerah Jitra, pembaris, sebiji kompas peserta meredah hutan dan belukar.dari Kampong Tok Kassim sampai ke Kampung Baru.

“Aktiviti ini mengajar peserta cara bekerjasama dan membina ketahanan diri kerana laluan yang dipilih mempunyai pelbagai rintangan seperti bukit yang tinggi, sungai yang berliku dan haiwan liar.

“Di sini pentingnya pengambilan air mineral yang cukup sebab itulah peserta disarankan untuk minum air mineral sebanyak 1.5 liter pada malam sebelum tibanya hari *Compass Marching* untuk mengelakkan dehidrasi ketika berada dalam hutan,” kongsi.

Jelasnya, melalui program ini peserta dapat memperbaiki disiplin diri mengikut ketetapan masa dan aktiviti yang dicatur oleh PALAPES di samping meningkatkan kecekapan pegawai yang saling melengkapi agar bekerjasama dengan lebih mantap dalam satu pasukan.

“Aktiviti ini melahirkan semangat bekerjasama dalam kumpulan dan lebih mencabar menggerakkan 1 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, mempunyai ego yang tersendiri, personaliti dan jabatan yang berbeza.

“Saya sedar bukan mudah untuk memastikan gerak kerja yang efektif di kalangan ahli, di sinilah pentingnya sikap tolong menolong, toleransi dan semangat setiakawan,” luah.

Manakala Jurutera Awam, Nurfakhira Azmi berkata, pengajaran yang diperoleh daripada program ini mengubah cara kerja hakiki peserta supaya lebih sistematik dan menepati masa. aktiviti yang padat mengajar peserta supaya menepati masa yang ditetapkan,

“Banyak perkara yang dipelajari antaranya bagaimana untuk menguruskan masa dengan betul kerana waktu yang diperuntukkan agak singkat, cara melahirkan semangat kerjasama dalam kalangan ahli akan membantu dalam memastikan gerak kerja staf yang lebih efektif di pejabat,” ujarnya.

“Bukan senang menguruskan satu kumpulan yang terdiri daripada bermacam-macam karakter, peringkat umur namun peserta dilatih untuk menguruskan tekanan, ketahanan fizikal dan mental apabila berada di suatu tempat misalnya di hutan,” akunya.

Selain belajar cara membaca peta topografi tambahnya, dalam slot 'Sayangi UUM ku' peserta membentangkan perkara yang boleh melahirkan rasa cinta dan sayang kepada institusi. dengan membentangkan idea dan teknik untuk bekerja dalam suasana yang harmoni.

Compass Marching anjuran Unit Latihan Jabatan Pendaftar dengan kerjasama PALAPES UUM, Jabatan Keselamatan dan UEC Sdn. Bhd. melibatkan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Utara Malaysia.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.